



1 Julai 2014
1 July 2014
P.U. (A) 189

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (KAJIAN SEMULA DAN RAYUAN) 2014

GOODS AND SERVICES TAX (REVIEW AND APPEAL) REGULATIONS 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

PERATURAN-PERATURAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN
(KAJIAN SEMULA DAN RAYUAN) 2014

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa

BAHAGIAN II

KAJIAN SEMULA

2. Permohonan untuk kajian semula

BAHAGIAN III

PERMULAAN PROSIDING RAYUAN

3. Pemfailan rayuan
4. Pengakuteraan dan pendaftaran rayuan
5. Permohonan pelanjutan masa

BAHAGIAN IV

TATACARA RAYUAN

6. Tarikh pendengaran rayuan
7. Rayuan boleh didengar bersama
8. Ketidakhadiran pihak
9. Penepian keputusan
10. Penerusan prosiding selepas kematian atau penghukuman kebankrapan

Peraturan

11. Pendengaran
12. Penangguhan pendengaran
13. Rundingan bagi penyelesaian
14. Penarikan balik rayuan
15. Keputusan Tribunal
16. Prosiding tertutup
17. Tempat bersidang
18. Penggunaan perkhidmatan elektronik

BAHAGIAN V

PELBAGAI

19. Bahasa
20. Saman untuk hadir
21. Kos dan perbelanjaan
22. Kos kena dibayar kepada Kerajaan
23. Nota keterangan
24. Rekod prosiding

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

PERATURAN-PERATURAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN
(KAJIAN SEMULA DAN RAYUAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 177 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan (Kajian Semula dan Rayuan) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2015.

BAHAGIAN II

KAJIAN SEMULA

Permohonan untuk kajian semula

2. Tiap-tiap permohonan untuk kajian semula yang dibuat di bawah seksyen 124 Akta hendaklah dalam Borang A.

BAHAGIAN III

PERMULAAN PROSIDING RAYUAN

Pemfailan rayuan

3. (1) Tiap-tiap rayuan yang dikemukakan kepada Tribunal di bawah seksyen 126 Akta hendaklah dalam Borang B.

(2) Rayuan itu hendaklah difailkan dalam empat salinan bersama dengan fi sebanyak dua ratus ringgit.

Pengkuterimaan dan pendaftaran rayuan

4. (1) Setiausaha hendaklah mengaku terima setiap rayuan yang diterima.

(2) Apabila menerima rayuan, Setiausaha hendaklah menyebabkan salinan yang diterima ditarikahkan, ditandatangani dan dimeterai dengan meterai Tribunal.

(3) Setiausaha hendaklah menyebabkan tiap-tiap rayuan yang difailkan dicatatkan dalam suatu buku yang dikenali sebagai “Daftar Tribunal” yang disimpan di Pejabat Pendaftaran Tribunal.

(4) Tiap-tiap rayuan hendaklah dibezakan melalui nombor dan tahun yang rayuan itu difailkan.

(5) Selepas suatu rayuan telah dicatatkan dalam Daftar Tribunal, Setiausaha hendaklah—

(a) menyebabkan suatu salinan rayuan yang telah dimeterai dan ditandatangani dengan sewajarnya dikembalikan kepada perayu; dan

(b) menyebabkan suatu salinan rayuan yang telah dimeterai dan ditandatangani dengan sewajarnya disampaikan kepada responden.

Permohonan pelanjutan masa

5. (1) Tribunal boleh, atas permohonan secara bertulis dalam Borang C oleh perayu, melanjutkan masa untuk memfailkan rayuan itu jika Tribunal berpuas hati bahawa adalah munasabah dalam segala hal keadaan untuk berbuat demikian.

(2) Satu salinan permohonan itu hendaklah dihantar serentak oleh perayu kepada responden.

(3) Sebelum memutuskan permohonan bagi pelanjutan masa, Tribunal hendaklah memberi responden hak untuk didengar.

(4) Setiausaha hendaklah memberikan notis tentang perincian mengenai tarikh, masa dan tempat pendengaran permohonan dalam Borang D kepada perayu dan responden tidak kurang daripada empat belas hari sebelum tarikh pendengaran.

BAHAGIAN IV TATACARA RAYUAN

Tarikh pendengaran rayuan

6. Setiausaha hendaklah memberikan notis tentang perincian mengenai tarikh, masa dan tempat pendengaran rayuan dalam Borang D dan menyampaikan notis tersebut kepada perayu dan responden tidak kurang daripada empat belas hari sebelum tarikh pendengaran.

Rayuan boleh didengar bersama

7. (1) Tribunal boleh memerintahkan dua atau lebih rayuan oleh perayu yang sama atau perayu yang berbeza untuk didengar bersama.

(2) Tribunal boleh membuat suatu perintah di bawah subperaturan (1) sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan suatu pihak kepada mana-mana rayuan yang berkenaan, tetapi tiada perintah sedemikian boleh dibuat sehingga pihak-pihak kepada rayuan telah diberi peluang untuk didengar.

Ketidakhadiran pihak

8. (1) Jika perayu tidak hadir pada tarikh dan masa dan di tempat yang ditetapkan bagi pendengaran rayuan tetapi responden hadir, Tribunal boleh, jika ia berpuas hati bahawa notis pendengaran telah disampaikan dengan sewajarnya, menolak rayuan itu.

(2) Jika responden tidak hadir pada tarikh dan masa dan di tempat yang ditetapkan bagi pendengaran rayuan tetapi perayu hadir, Tribunal boleh, jika ia berpuas hati bahawa notis pendengaran telah disampaikan dengan sewajarnya,—

(a) meneruskan pendengaran itu tanpa kehadiran responden; atau

(b) menangguhkan pendengaran itu ke suatu tarikh lain.

(3) Sebelum melupuskan rayuan itu tanpa kehadiran responden, Tribunal hendaklah menimbangkan apa-apa representasi yang dikemukakan oleh responden.

(4) Jika tiada pihak hadir pada tarikh dan masa dan di tempat yang ditetapkan untuk perbicaraan rayuan, rayuan itu hendaklah dibatalkan jika Tribunal berpuas hati bahawa notis pendengaran telah disampaikan dengan sewajarnya.

(5) Suatu keputusan yang dibuat di bawah peraturan ini hendaklah dalam Borang E.

Penepian keputusan

9. (1) Apa-apa keputusan yang dibuat jika satu pihak tidak hadir semasa pendengaran boleh diketepikan oleh Tribunal atas permohonan pihak yang terkilan.

(2) Permohonan itu hendaklah dibuat dalam Borang F dalam masa tiga puluh hari selepas penerimaan keputusan.

(3) Apabila permohonan itu diterima oleh Tribunal, Setiausaha hendaklah memberikan notis tentang perincian mengenai tarikh, masa dan tempat pendengaran permohonan itu kepada kedua-dua pihak.

Penerusan prosiding selepas kematian atau penghukuman kebangkrapan

10. (1) Jika dalam mana-mana prosiding perayu meninggal dunia atau dihukum sebagai bankrap atau dalam hal suatu syarikat, telah digulung, rayuan itu hendaklah terhenti, kecuali suatu permohonan dibuat untuk meneruskan prosiding itu oleh atau

terhadap wakil dari segi kepentingan, wasi, pentadbir, penerima atau pelikuidasi bagi perayu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Permohonan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam tempoh tiga puluh hari daripada berlakunya kejadian itu.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), Tribunal boleh, jika ia berpuas hati bahawa pemohon itu telah dihalang oleh sebab yang mencukupi daripada mengemukakan permohonan itu dalam tempoh yang dinyatakan itu, membenarkan permohonan itu dikemukakan dalam tempoh lanjut sebagaimana yang difikirkannya patut.

Pendengaran

11. (1) Semasa pendengaran di hadapan Tribunal, perayu hendaklah berhak untuk mengemukakan keterangan, memanggil mana-mana saksi atau mengemukakan apa-apa dokumen, rekod, barang atau benda bagi menyokong kesnya.

(2) Selepas perayu membentangkan kesnya, responden hendaklah mengemukakan kesnya dan boleh mengemukakan keterangan, memanggil mana-mana saksi atau mengemukakan apa-apa dokumen, rekod, barang atau benda bagi menyokong kesnya.

(3) Selepas perayu dan responden telah menutup kes masing-masing, suatu penghujahan lisan atau bertulis ringkas boleh dibuat oleh responden dan selepas itu oleh perayu.

(4) Tribunal boleh pada bila-bila masa membantu pihak-pihak dalam menjalankan kes mereka.

(5) Suatu perintah yang dibuat di bawah peraturan ini hendaklah dalam Borang E.

Penangguhan pendengaran

12. Tribunal boleh, dari semasa ke semasa, menangguhkan pendengaran atas apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya adil.

Rundingan bagi penyelesaian

13. Apa-apa penyelesaian yang dipersetujui yang dicapai oleh pihak-pihak hendaklah dalam Borang E.

Penarikan balik rayuan

14. (1) Perayu boleh menarik balik rayuan pada bila-bila masa dengan memfailkan suatu notis penarikan balik dalam Borang F kepada Tribunal.

(2) Satu salinan notis penarikan balik itu hendaklah dihantar serentak oleh perayu kepada responden.

(3) Jika suatu rayuan ditarik balik, rayuan baharu tidak boleh dibuat berhubung dengan perkara yang sama.

Keputusan Tribunal

15. (1) Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Tribunal hendaklah dalam Borang E.

(2) Keputusan Tribunal hendaklah dimeteraikan, ditarikhkan dan ditandatangani oleh orang yang mempengerusikan pendengaran perkara yang dirayu dan satu salinan keputusan itu hendaklah disampaikan kepada setiap pihak kepada prosiding.

(3) Jika keputusan itu telah disampaikan kepada pihak-pihak kepada prosiding, mana-mana pihak boleh, dalam tempoh dua puluh lapan hari dari tarikh penerimaan keputusan itu, meminta Tribunal untuk mengemukakan kepadanya alasan bertulis bagi keputusan itu dan Tribunal hendaklah, dalam tempoh tiga puluh hari selepas menerima permintaan itu, mengemukakan kepada pihak itu alasan bertulis itu.

Prosiding tertutup

16. (1) Semua prosiding di hadapan Tribunal hendaklah prosiding tertutup melainkan jika dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak kepada rayuan itu.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), jika Tribunal berpendapat bahawa adalah demi kepentingan awam bagi fakta rayuan itu disiarkan, Tribunal boleh membenarkan penyiaran fakta kes dan alasan bagi keputusan tanpa mendedahkan identiti perayu yang berkekaan.

Tempat bersidang

17. Tribunal hendaklah bersidang untuk mendengar rayuan di Putrajaya atau mana-mana tempat lain yang difikirkan sesuai oleh Tribunal.

Penggunaan perkhidmatan elektronik

18. Bagi maksud Bahagian XIII Akta, Tribunal boleh menyediakan perkhidmatan elektronik.

BAHAGIAN V

PELBAGAI

Bahasa

19. (1) Semua prosiding di hadapan Tribunal hendaklah dalam bahasa kebangsaan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Tribunal boleh, atas permohonan mana-mana pihak kepada mana-mana prosiding, memerintahkan supaya prosiding itu hendaklah sebahagiannya dalam bahasa kebangsaan dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris.

Saman untuk hadir

20. (1) Saman kepada mana-mana orang untuk hadir sebagai saksi atau untuk mengemukakan apa-apa dokumen, rekod, barang atau benda lain dalam milikannya di hadapan Tribunal hendaklah dalam Borang G.

(2) Saman itu hendaklah ditarik dan ditandatangani oleh Setiausaha dan mengandungi meterai Tribunal.

Kos dan perbelanjaan

21. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), setiap pihak hendaklah menanggung kos sendiri.

(2) Jika Tribunal mengesahkan keputusan Ketua Pengarah dan berpendapat bahawa rayuan itu bersifat skandal, remeh dan menyusahkan, ia boleh memerintahkan perayu supaya membayar kos kepada Tribunal sejumlah wang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(3) Tribunal boleh membuat suatu perintah bagi perayu untuk membayar kos di bawah peraturan ini walaupun perayu tidak hadir pada pendengaran rayuan itu.

(4) Jika mana-mana orang telah dipanggil oleh Tribunal menurut perenggan 142(1)(e) Akta, selain atas permohonan pihak-pihak, perbelanjaannya hendaklah ditaksir oleh Setiausaha berdasarkan skala kos yang digunakan dalam prosiding sivil di mahkamah rendah dan hendaklah dibayar oleh Tribunal.

Kos kena dibayar kepada Kerajaan

22. Jika Tribunal membuat perintah di bawah subperaturan 21(2), kos itu hendaklah menjadi kena dibayar pada tarikh perintah itu disampaikan kepada perayu dan boleh dituntut sebagai suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada Kerajaan.

Nota keterangan

23. Ahli yang mempengerusikan hendaklah—

- (a) merekodkan nota keterangan;
- (b) menyatakan terma semua soalan dan jawapan;
- (c) menyatakan alasan bagi apa-apa keputusan yang dibuat; dan
- (d) menandatangani nota keterangan.

Rekod prosiding

24. Setiausaha hendaklah menyimpan rekod bagi semua prosiding Tribunal dengan membuat catatan dalam fail kes masing-masing.

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

PERATURAN-PERATURAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (KAJIAN SEMULA DAN RAYUAN) 2014

BORANG A
(Peraturan 2)**PERMOHONAN UNTUK KAJIAN SEMULA**

Nombor Rujukan Keputusan JKDM	(i) (ii)
-------------------------------	-------------

A. MAKLUMAT AM

1. Nama pemohon dan No. Kad Pengenalan/ No. pasport		2. Alamat pemohon	
3. No. Pendaftaran GST/Nombor bukan orang berdaftar (jika ada)	4. Telefon	5. Faks	6. E-mel
7. *(a) Nama wakil jika ada	(b) Alamat	(c) Tarikh lantikan	(d) No. telefon/faks/e-mel
8. Tarikh permohonan	9. **Tarikh keputusan diterima	10. Nombor rujukan keputusan yang dipertikaikan	
11. Alasan bantahan <i>* Sila buat lampiran tambahan sekiranya ruangan tidak mencukupi</i>		12. Dokumen sokongan	

* Sila sertakan surat perwakilan kuasa

** Sila sertakan salinan keputusan yang dipertikaikan

Akuan Pemohon

Saya dengan ini mengakui dan mengesahkan bahawa:

- (i) Tiada mengemukakan sebarang permohonan ke atas perkara ini sama ada ke Tribunal atau mahkamah;
- (ii) Semua maklumat yang dinyatakan dalam permohonan ini adalah benar dan betul dalam pengetahuan saya dan saya diberi kuasa dan kompeten untuk membuat permohonan ini dan menentukannya.

.....
Tandatangan

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Jawatan:

Tarikh:

.....
Cop rasmi syarikat

Arahan:

- (i) Semua maklumat permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas. Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi, maklumat hendaklah diberi dalam lampiran yang berasingan dan ditandatangani.
- (ii) **Nombor Rujukan JKDM**
Merujuk kepada keputusan yang dibuat oleh JKDM ke atas perkara yang dikaji semula.
- (iii) **Alasan bantahan**
Mustahak untuk anda memberi penerangan yang lengkap mengapa keputusan tersebut hendak dikaji semula dan pendapat anda apakah keputusan yang sepatutnya berserta dengan alasan.
- (iv) Sesuatu permohonan hendaklah jelas dan lengkap dengan semua butir terperinci. Jika sesuai sesuatu permohonan hendaklah disokong dengan ilustrasi atau maklumat lain yang lengkap. Permohonan yang tidak lengkap atau yang tidak disokong dengan maklumat yang mencukupi akan diproses berdasarkan maklumat yang telah dikemukakan.

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

PERATURAN-PERATURAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (KAJIAN SEMULA DAN RAYUAN) 2014

BORANG B
(Peraturan 3)

NOTIS RAYUAN

Nombor Rujukan Keputusan JKDM	(i)
	(ii)

DALAM TRIBUNAL CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

DI

DALAM NEGERI/ WILAYAH PERSEKUTUANMALAYSIA

NO. RAYUAN

ANTARA

PERAYU

.....

DAN

KETUA PENGARAH KASTAM

RESPONDEN

A. BUTIRAN RAYUAN

1. * Nama pemohon dan No. Kad Pengenalan/ No. pasport	2. Alamat perayu
3. No. Pendaftaran GST/Nombor bukan orang berdaftar (jika ada)	4. Telefon 5. Faks 6. E-mel
7. ** (a) Nama wakil jika ada (b) Alamat (c) Tarikh lantikan (d) No. telefon/faks/e-mel	
8. *** Tarikh keputusan diterima	9. Tarikh permohonan
10. Nyatakan jenis dan butiran keputusan yang dipertikai	

* Sila sertakan salinan kad pengenalan/ pasport

** Sila sertakan surat perwakilan kuasa

*** Sila sertakan salinan keputusan yang dipertikai

11. Jumlah cukai atau penalti jika ada	
12. Nyatakan tempoh penyata yang relevan	
13. Asas rayuan	

**Sila buat lampiran tambahan sekiranya ruangan tidak mencukupi*

14. Nyatakan remedi yang dipohon	
15. Dokumen sokongan dilampirkan	

**Sila buat lampiran tambahan sekiranya ruangan tidak mencukupi*

Akuan

Saya dengan ini mengakui dan mengesahkan bahawa:

- (i) Tiada mengemukakan sebarang permohonan ke atas perkara ini sama ada ke Tribunal atau mahkamah;
- (ii) Semua maklumat yang dinyatakan dalam permohonan ini adalah benar dan betul dalam pengetahuan saya dan saya diberi kuasa dan kompeten untuk membuat permohonan ini dan menentukannya.

.....
Tandatangan

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Jawatan:

Tarikh:

.....
Cop rasmi syarikat

Untuk kegunaan pejabat Tribunal sahaja

.....
Tarikh Pemfailan

.....
Setiausaha
Tribunal Cukai Barang dan Perkhidmatan

.....
Meterai Tribunal

Nota: Muka surat ini bukan sebahagian daripada Notis Rayuan

GARIS PANDUAN

1. Butiran perayu

2. Asas Rayuan

Perayu hendaklah menyatakan alasan yang lengkap dan jelas kenapa perayu tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengarah Kastam.

3. Remedi yang dipohon

Perayu hendaklah menyatakan dengan jelas remedi yang dipohon.

4. Notis Rayuan hendaklah ditandatangani oleh perayu sendiri atau wakil yang diberi kuasa secara bertulis dan ditarikahkan. Jika perayu adalah syarikat/perniagaan berdaftar atau kumpulan orang, permohonan hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi, Pengarah atau Setiausaha atau mana-mana orang yang telah diberi kuasa. Tandatangan tidak diperlukan bagi permohonan secara elektronik. Pengguna elektronik hendaklah memastikan nama dan tarikh dicatatkan dengan jelas.
5. Sesuatu permohonan hendaklah jelas dan lengkap dengan semua butir terperinci. Jika sesuai sesuatu permohonan hendaklah disokong dengan ilustrasi atau maklumat lain yang lengkap. Permohonan yang tidak lengkap atau yang tidak disokong dengan maklumat yang mencukupi akan diproses berdasarkan maklumat yang telah dikemukakan.
6. Notis ini hendaklah difailkan sebanyak empat (4) salinan ke Daftar Tribunal dengan bayaran fi sejumlah dua ratus ringgit (RM200). Kesemua salinan hendaklah dimeterai dan ditandatangani oleh Setiausaha Tribunal dan satu salinan hendaklah dikembalikan ke Perayu.
7. Perayu hendaklah mengepilkan sekali notis rayuan bersama-sama dengan dokumen sokongan yang menyokong permohonan rayuan ini.
8. Permohonan secara manual hendaklah diisi dengan lengkap menggunakan dakwat hitam dan ditulis dengan huruf besar. Dokumen yang diakui sah hendaklah dihantar kepada Tribunal dan responden melalui pos. Bagi permohonan secara elektronik, seseorang yang merayu hendaklah memastikan dokumen dimuatkan secara elektronik dihantar melalui e-mel ke Tribunal dan responden.

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

PERATURAN-PERATURAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (KAJIAN SEMULA DAN RAYUAN)
2014

BORANG C
(Peraturan 5(1))

PERMOHONAN PELANJUTAN MASA

Nombor Rujukan Keputusan JKDM	(i) (ii)
-------------------------------	-------------

DALAM TRIBUNAL CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

DI

DALAM NEGERI/ WILAYAH PERSEKUTUANMALAYSIA

NO. RAYUAN

ANTARA

PERAYU

.....

DAN

KETUA PENGARAH KASTAM

RESPONDEN

Untuk diisi oleh pemohon

1. Nama penuh
2. No. Kad Pengenalan/No. pasport
3. Nama syarikat dan alamat
4. Nombor Pendaftaran GST
5. Keputusan Ketua Pengarah yang dipertikai*
 - (i) Tarikh dan nombor rujukan keputusan
 - (ii) Tarikh keputusan diterima
 - (iii) Tarikh rayuan sepatutnya dikemukakan
6. Alasan permohonan pelanjutan masa diperlukan*

[illegible]

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

**Sila sertakan salinan keputusan yang dipertikaikan*

Akuan

Saya, dengan ini mengakui dan mengesahkan bahawa:

- (i) Tiada mengemukakan sebarang permohonan ke atas perkara ini sama ada ke Tribunal atau mahkamah;
- (ii) Semua maklumat yang dinyatakan dalam permohonan ini adalah benar dan betul dalam pengetahuan saya dan saya diberi kuasa dan kompeten untuk membuat permohonan ini dan menentukannya.

.....
Tandatangan

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Jawatan:

Tarikh:

.....
Cop rasmi syarikat

**Untuk kegunaan pejabat Tribunal
sahaja**

Diaku terima oleh Tribunal

Tarikh terima

Nama pegawai yang menerima

Tandatangan pegawai yang menerima

.....
Tarikh pemfailan

.....
Setiausaha
Tribunal Cukai Barang dan Perkhidmatan

.....
Meterai Tribunal

Untuk dilengkapi oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia

- (i) Sila nyatakan sama ada permohonan ini dipersetujui ataupun tidak

Dipersetujui/Tidak dipersetujui (*Batalan yang mana tidak berkaitan*)

- (ii) Sekiranya tidak dipersetujui, sila kemukakan alasan dan sertakan dokumen sokongan jika berkaitan

A series of horizontal dotted lines for writing.

.....
.....
.....
.....
.....

Sila buat lampiran sekiranya ruangan tidak mencukupi

Nama penuh dan jawatan

.....
.....

Alamat pejabat

.....
.....
.....
.....

.....
Tandatangan

.....
Tarikh

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

PERATURAN-PERATURAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (KAJIAN SEMULA DAN RAYUAN) 2014

BORANG D
(Subperaturan 5(4) dan Peraturan 6)

NOTIS PENDENGARAN

Nombor Rujukan Keputusan JKDM	(i) (ii)
-------------------------------	-------------

DALAM TRIBUNAL CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

DI

DALAM NEGERI/ WILAYAH PERSEKUTUANMALAYSIA

NO. RAYUAN

ANTARA

PERAYU

.....

DAN

KETUA PENGARAH KASTAM

RESPONDEN

Kepada:

.....
.....
.....
.....
.....

(Nama dan alamat Perayu/Responden)

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa permohonan
berhubung dengan rayuan dalam perkara di atas akan didengar pada.....
hari bulan di
.....
.....
(ALAMAT TEMPAT PENDENGARAN) pada.....jam di sebelah pagi/petang.*

Dengan perintah Setiausaha Tribunal Cukai Barang dan Perkhidmatan

.....
Setiausaha
Tribunal Cukai Barang dan Perkhidmatan

.....
Meterai Tribunal

**Potong yang tidak berkenaan*

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

PERATURAN-PERATURAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (KAJIAN SEMULA DAN RAYUAN) 2014

BORANG E
(Subperaturan 8 (4), Peraturan 11, 13 dan Subperaturan 15(1))

PERINTAH TRIBUNAL

Nombor Rujukan Keputusan JKDM	(i)
	(ii)

DALAM TRIBUNAL CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

DI

DALAM NEGERI/ WILAYAH PERSEKUTUANMALAYSIA

NO. RAYUAN

ANTARA

PERAYU

.....

DAN

KETUA PENGARAH KASTAM

RESPONDEN

A. *KEPUTUSAN SETELAH PENDENGARAN

1. Rayuan ini telah didengar di hadapan
padadi.....

2. Tribunal dengan ini memerintahkan

[illegible]

3. Dalam perkara ini, keputusan penghakimannya adalah seperti berikut:

Bertarikh..... hari bulan

METERAI

.....
Ahli yang menguruskan
Tribunal Cukai Barang dan Perkhidmatan

.....
Tarikh

.....
Tandatangan

.....
Tarikh pemfailan

.....
Setiausaha
Tribunal Cukai Barang dan Perkhidmatan

.....
Meterai Tribunal

** Potong di mana tidak bersesuaian*

Kepada:

(i) (Perayu)

Alamat

.....
.....
.....
.....

(ii) (Responden)

Alamat

.....
.....
.....
.....

B. *KEPUTUSAN DENGAN PERSETUJUAN

Rayuan ini telah didengar di hadapan
padadi.....

.....
.....
dengan kehadiran kedua-dua pihak, Tribunal dengan ini memerintahkan

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

.....
.....
.....
.....

Bertarikh hari bulan

METERAI

.....
Ahli yang menguruskan
Tribunal Cukai Barang dan Perkhidmatan

.....
Tarikh

.....
Tandatangan

.....
Tarikh pemfailan

.....
Setiausaha
Tribunal Cukai Barang dan Perkhidmatan

.....
Meterai Tribunal

** Potong di mana tidak bersesuaian*

Kepada:

(i) (Perayu)

Alamat

.....
.....
.....
.....

(ii) (Responden)

Alamat

.....
.....
.....
.....

C. KEPUTUSAN DI MANA PERAYU TIDAK HADIR

Rayuan ini telah pun ditetapkan untuk pendengaran pada hari ini bertarih.....di hadapan (Nama)..... dengan kehadiran responden dan ketidakhadiran perayu, Tribunal dengan ini mengarahkan:

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

.....
.....
.....
.....

Bertarikh hari bulan

METERAI

.....
Ahli yang menguruskan
Tribunal Cukai Barang dan Perkhidmatan

.....
Tarikh

.....
Tandatangan

.....
Tarikh pemfailan

.....
Setiausaha
Tribunal Cukai Barang dan Perkhidmatan

.....
Meterai Tribunal

** Potong di mana tidak bersesuaian*

Kepada:

(i) (Perayu)

Alamat

.....
.....
.....
.....

(ii) (Responden)

Alamat

.....
.....
.....
.....

D. *KEPUTUSAN DI MANA RESPONDEN TIDAK HADIR

Rayuan ini telah pun ditetapkan untuk pendengaran pada hari ini bertarikh.....di hadapan (Nama)..... dengan kehadiran perayu dan ketidakhadiran pihak responden, Tribunal dengan ini mengarahkan:

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

.....
.....
.....
.....

Bertarikh hari bulan

METERAI

.....
Ahli yang mempengerusikan
Tribunal Cukai Barang dan Perkhidmatan

.....
Tarikh

.....
Tandatangan

.....
Tarikh pemfailan

.....
Setiausaha
Tribunal Cukai Barang dan Perkhidmatan

.....
Meterai Tribunal

** Potong di mana tidak bersesuaian*

Kepada:

(i) (Perayu)

Alamat

.....
.....
.....
.....

(ii) (Responden)

Alamat

.....
.....
.....
.....

E. KEPUTUSAN DIMANA KEDUA-DUA PIHAK TIDAK HADIR

Rayuan ini telah pun ditetapkan untuk pendengaran pada hari ini bertarikh.....di hadapan (Nama)..... dengan ketidakhadiran perayu dan responden Tribunal dengan ini memerintahkan:

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

.....
.....
.....
.....

Bertarikh hari bulan

METERAI

.....
Ahli yang menguruskan
Tribunal Cukai Barang dan Perkhidmatan

.....
Tarikh

.....
Tandatangan

.....
Tarikh pemfailan

.....
Setiausaha
Tribunal Cukai Barang dan Perkhidmatan

.....
Meterai Tribunal

** Potong di mana tidak bersesuaian*

Kepada:

(i) (Perayu)

Alamat

.....
.....
.....
.....

(ii) (Responden)

Alamat

.....
.....
.....
.....

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

PERATURAN-PERATURAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (KAJIAN SEMULA DAN RAYUAN) 2014

BORANG F
(Subperaturan 9(2) dan 14(1))

PERMOHONAN DARIPADA PIHAK-PIHAK

Nombor Rujukan Keputusan JKDM	(i)
	(ii)

DALAM TRIBUNAL CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

DI

DALAM NEGERI/WILAYAH PERSEKUTUANMALAYSIA

NO. RAYUAN

ANTARA

PERAYU

.....

DAN

KETUA PENGARAH KASTAM

RESPONDEN

Nama perayu

No. Kad Pengenalan/No. passport

Alamat surat menyurat

.....

Nama responden

No. Kad Pengenalan/No. passport

Alamat surat menyurat

.....

Sila isikan perenggan yang sesuai sahaja

1. PERMOHONAN UNTUK MENGETEPIKAN KEPUTUSAN

- (i) Suatu keputusan yang telah diperoleh yang tidak memihak kepada saya
pada ke atas kes rayuan yang bernombor.....

*Saya dengan ini memohon untuk mengetepikan keputusan itu. Saya tidak hadir
semasa pendengaran kerana:

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

**Sila buat lampiran tambahan sekiranya ruangan tidak mencukupi*

(ii) *Alasan kerana tidak memfailkan pembelaan adalah seperti berikut:

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....
.....
.....
.....

**Sila buat lampiran tambahan sekiranya ruangan tidak mencukupi*

.....

Tandatangan perayu

Tarikh

.....

Tarikh Pemfailan

.....

Setiausaha
Tribunal Cukai Barang dan Perkhidmatan

.....

Meterai Tribunal

2. MENARIK BALIK

1. Nama pemohon dan Jawatan	
2. Alamat pejabat	

SILA AMBIL PERHATIAN. Pemohon dalam rayuan ini tidak lagi berhasrat untuk meneruskan permohonan rayuan dan dengan ini memaklumkan kepada Tribunal bahawa rayuan ini adalah ditarik balik menurut perenggan 147(b) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Pada.....di.....

dengan kehadiran kedua-dua pihak, Tribunal dengan ini memerintahkan:

[illegible]

.....
.....

Bertarikh..... hari bulan

METERAI

.....
Ahli yang menguruskan
Tribunal Cukai Barang dan Perkhidmatan

.....
Tarikh

.....
Tandatangan

.....
Tarikh pemfailan

.....
Setiausaha
Tribunal Cukai Barang dan Perkhidmatan

.....
Meterai Tribunal

** Potong di mana tidak bersesuaian*

Kepada:

(i)(Perayu)

Alamat

.....
.....
.....
.....

(ii)(Responden)

Alamat

.....
.....
.....
.....

** Potong mana yang berkaitan*

3. PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN PERINTAH KOS DAN PERBELANJAAN

*Saya memohon untuk mendapatkan perintah untuk kos dan perbelanjaan terhadap

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[illegible]

Sila buat lampiran tambahan sekiranya ruangan tidak mencukupi

*Alasan permohonan kos dan perbelanjaan serta amaun adalah:

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

.....
.....
Sila buat lampiran tambahan sekiranya ruangan tidak mencukupi

.....
Tandatangan perayu

Tarikh

.....
Tarikh pemfailan

.....
Setiausaha
Tribunal Cukai Barang dan Perkhidmatan

.....
Meterai Tribunal

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

PERATURAN-PERATURAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (KAJIAN SEMULA DAN RAYUAN) 2014

BORANG G
(Peraturan 20)

SAMAN KEPADA SAKSI

Nombor Rujukan Keputusan JKDM	(i) (ii)
-------------------------------	-------------

DALAM TRIBUNAL CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

DI

DALAM NEGERI/WILAYAH PERSEKUTUANMALAYSIA

NO. RAYUAN

ANTARA

PERAYU

.....

DAN

KETUA PENGARAH KASTAM

RESPONDEN

KEPADA:

Nama:

Alamat:

Perbicaraan rayuan di atas akan didengar di hadapan (Nama)

.....

.....

.....

.....

BAHAWASANYA perayu seperti mana yang dinyatakan di atas telah memfailkan rayuan di bawah seksyen 126 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014dan didapati bahawa kamu boleh memberi keterangan yang dapat menyokong kes perayu/responden*.

Dengan ini kamu di saman untuk hadir di hadapan Tribunal ini di

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....
.....
(tempat dan alamat pendengaran)

pada.....hari bulan.....

di.....jam.....

pagi/petang untuk memberi keterangan untuk perayu/responden* dan mengemukakan.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

(nyatakan dokumen yang akan dikemukakan)

seperti mana masa dan tempat yang dinyatakan di atas.

Bertarikh..... hari bulan

(METERAI)

.....
Setiausaha
Tribunal Rayuan Cukai Barang dan Perkhidmatan

**Potong yang mana tidak berkenaan*

Arahan Pejabat Tribunal

Saman ini dikeluarkan atas permohonan perayu/responden*

Bertarikh hari bulan

METERAI

.....
Setiausaha
Tribunal Cukai Barang dan Perkhidmatan

(Potong yang mana tidak berkenaan)*

.....
Tarikh

.....
Tandatangan

.....
Tarikh pemfailan

.....
Setiausaha
Tribunal Cukai Barang dan Perkhidmatan

.....
Meterai Tribunal

Dibuat 30 Jun 2014
[SULIT KE.HT (96) 667/28(1); R.O 3865/356/1 Jld.15(SK.3); PN(PU2)721]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

GOODS AND SERVICES TAX ACT 2014

GOODS AND SERVICES TAX (REVIEW AND APPEAL) REGULATIONS 2014

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I
PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement

PART II
REVIEW

2. Application for review

PART III
COMMENCEMENT OF APPEAL PROCEEDINGS

3. Filing of appeal
4. Acknowledgement and registration of appeal
5. Application for extension of time

PART IV
PROCEDURE OF APPEAL

6. Date of hearing of appeal
7. Appeals may be heard together
8. Non-appearance of parties
9. Setting aside decision
10. Continuance of proceedings after death or adjudication of bankruptcy
11. Hearing

Regulation

12. Adjournment of hearing
13. Negotiation for settlement
14. Withdrawal of appeal
15. Decision of the Tribunal
16. Proceedings to be closed
17. Place of sitting
18. Use of electronic service

PART V
MISCELLANEOUS

19. Language
20. Summons to appear
21. Costs and expenses
22. Costs due to Government
23. Notes of evidence
24. Records of proceedings

GOODS AND SERVICES TAX ACT 2014

GOODS AND SERVICES TAX (REVIEW AND APPEAL) REGULATIONS 2014

IN exercise of the powers conferred by section 177 of the Goods and Services Tax Act 2014 [Act 762], the Minister makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

